

SULIT

KYPJ/MEI2017/MPU3013/MPU2313



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : PENGAJIAN ISLAM**  
**KOD KURSUS : MPU3013/MPU2313**  
**PEPERIKSAAN : MEI 2017**  
**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)  
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**  
*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab SEMUA soalan di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Islam, Iman dan Ihsan merupakan tiga asas utama dalam menjalani peranan kehidupan seorang muslim. Kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan hubungan ketiga-tiganya ialah....
  - A. Melakukan apa yang diperintahkanNya serta menjauhi segala laranganNya
  - B. Percaya akan kekuasaan Allah SWT serta ikhlas denganNya
  - C. Yakin, percaya, patuh kepada Allah SWT
  - D. Keyakinan, percaya dan melaksanakan perintahNya dengan penuh kepatuhan serta keikhlasan
  
2. Di bawah merupakan asas-asas dalam syariat Islam, **kecuali**
  - A. Syariah
  - B. Akhlak
  - C. Aqidah
  - D. Tauhid
  
3. Peraturan berhubung nilai *mahmudah* dan *mazmumah* sesama manusia dan manusia dengan Allah adalah merujuk kepada maksud
  - A. Muamalat
  - B. Akhlak
  - C. Ihsan
  - D. Iman
  
4. Semua kenyataan berikut adalah benar mengenai ibadat, **kecuali**
  - A. Hanya diterima jika dilakukan dengan ikhlas oleh orang yang beriman
  - B. Lambang pengabdian jin dan manusia kepada Allah SWT
  - C. Tidak meliputi adat kebiasaan manusia seperti makan, beriadah dan berhibur
  - D. Tidak terbatas kepada persoalan ibadat khusus sahaja

5. Manusia adalah salah satu makhluk ciptaan Allah SWT yang dicipta berdasarkan beberapa unsur kejadian, iaitu:
- A. Jasad, fizikal dan roh
  - B. Jasad, fizikal, hati dan perasaan
  - C. Jasad, fizikal, nafsu dan iman
  - D. Jasad, fizikal, naluri dan emosi
6. Manakah antara berikut mengenai *Huququllah* (hak-hak Allah)?
- i. Berkewajipan mencipta manusia dan alam
  - ii. Menetapkan hukum dan peraturan pada ciptaanNya
  - iii. Tiada mengharapkan balasan daripada makhluk ciptaanNya
  - iv. Memberi pilihan kepada manusia untuk mematuhi panduan yang diberi
- A. i, ii dan iii
  - B. i, ii dan iv
  - C. i, iii dan iv
  - D. ii, iii dan iv
7. Syariat Islam adalah bertujuan untuk memelihara keselamatan terhadap perkara-perkara berikut:
- A. Agama, akal, hati, harta dan keturunan
  - B. Keturunan, agama, akal, harta dan nyawa
  - C. Agama, harta, keturunan, akal dan perasaan
  - D. Agama, akidah, syariat, akal, nyawa
8. Bagaimanakah cara yang terbaik untuk menghayati ajaran Islam?
- A. Sentiasa prihatin terhadap golongan yang memerlukan bantuan
  - B. Menghadiri majlis-majlis ilmu dan ceramah agama
  - C. Memahami semua aspek syariat dengan mendalam
  - D. Memahami dan mempraktikkan ajaran-ajaran agama

9. Ilmu ilham adalah ilmu yang diterima oleh

- A. Orang awam
- B. Nabi dan Rasul
- C. Para awliya'
- D. Semua golongan di atas

10. Maslahat terdiri kepada:

- i. Masuliat*
- ii. Dhururiyyah*
- iii. Hajjiyat*
- iv. Tahsiniyyat*

- A. i, ii dan iii
- B. i, ii dan iv
- C. ii, iii dan iv
- D. Semua pilihan di atas

11. Jihad dengan lisan (dakwah) wajib dilaksanakan untuk mengajak manusia:

- i. Memperbaharui agama
- ii. Melaksanakan keadilan
- iii. Menegakkan kebenaran
- iv. Menghapuskan kezaliman

- A. i, ii dan iii
- B. i, ii dan iv
- C. i, iii dan iv
- D. ii, iii dan iv

12. Di bawah merupakan unsur-unsur jihad, **kecuali**
- A. Berperang
  - B. Syahid
  - C. Hijrah
  - D. Perjuangan dan Pengorbanan
13. Yang manakah di antara berikut merupakan sifat tamadun Islam
- i. Keterbukaan
  - ii. Sepanjang zaman
  - iii. Menyeluruh (*Syumul*)
  - iv. Kesatuan dalam kepelbagaian
- A. i, ii dan iii
  - B. i, ii dan iv
  - C. i, iii dan iv
  - D. ii, iii dan iv
14. Tamadun islam berbeza daripada Tamadun Barat kerana Tamadun Islam \_\_\_\_\_
- A. Tidak memisahkan antara ilmu wahyu dengan ilmu intelek
  - B. Menolak wahyu sebagai sumber ilmu
  - C. Tidak berdasarkan kepada tauhid
  - D. Diresapi oleh idea-idea berasaskan rasionalisme semata-mata
15. Tanggungjawab yang dikongsi bersama suami-isteri adalah
- A. Memberikan pendidikan kepada anak-anak
  - B. Menyediakan kediaman yang sesuai dan selamat
  - C. Meminta izin pasangan setiap kali ingin meninggalkan rumah
  - D. Menyediakan keperluan makan dan minum

16. *Tarbiah* membawa maksud:
- A. Peningkatan kualiti jasmani sahaja
  - B. Penyebaran, penghayatan dan pengamalan ilmu
  - C. Penyebaran, penghayatan dan pengamalan ilmu ukhrawi sahaja
  - D. Peningkatan kualiti rohani sahaja
17. Mengapakah Islam dianggap sebagai agama perpaduan
- A. Umat Islam semakin diancam di pentas global
  - B. Tuntutan perubahan masa
  - C. Semua perintah dan larangan Islam menekankan aspek perpaduan ummah
  - D. Penganutnya suka bersatu padu
18. Apakah cara **TERBAIK** untuk mengelakkan golongan remaja terlibat dengan seks sebelum nikah?
- A. Ibu bapa perlu menyekat kebebasan anak-anak mereka
  - B. Masyarakat perlu menggalakkan perkahwinan pada usia muda
  - C. Kerajaan perlu memperkenalkan matapelajaran seks di sekolah
  - D. Golongan muda perlu melengkapkan diri dengan ilmu agama
19. Di antara berikut, yang manakah **TIDAK** menunjukkan sikap prihatin terhadap alam sekitar?
- A. Menanam pokok
  - B. Membuang sampah di tempat yang disediakan
  - C. Membiarkan sungai tercemar
  - D. Mementingkan tanggungjawab bersama
20. Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah anda memanfaatkan sains dan teknologi serta ICT?
- A. Meneroka ruang yang mendatangkan keseronokan
  - B. Mengumpul peralatan teknologi terkini
  - C. Mengambil peluang memperkaya ilmu dalam semua perkara
  - D. Membina jaringan supaya lebih ramai kawan

[20 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **TUJUH(7)** soalan.

Jawab **ENAM(6)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

**Soalan 1**

Agama Islam dikenali sebagai agama yang meliputi seluruh aspek kehidupan dan keperluan manusia yang disusun secara lengkap dan sistematik oleh ajaran Islam.

- a) Huraikan **DUA(2)** keistimewaan dan keunikan ajaran Islam  
(4 markah)
- b) Jelaskan perbezaan antara tingkat *Dharuriyyah* dengan *Tahsiniyyat*  
(4 markah)
- c) Nyatakan tugas Malaikat Izrail  
(2 markah)

**Soalan 2**

Pandangan semesta merupakan satu konsep mengenai alam semesta secara keseluruhan yang berhubung kait dengan Pencipta, manusia dan alam.

- a) Apakah pengertian Epistemologi Islam  
(2 markah)
- b) Huraikan **DUA(2)** hak Allah SWT ke atas alam  
(4 markah)
- c) Sebutkan **EMPAT(4)** sumber atau alat ilmu pengetahuan  
(4 markah)

**Soalan 3**

Keluarga memainkan peranan penting dalam membentuk peribadi individu yang baik kerana peribadi yang baik akan terbina keluarga yang baik, seterusnya melahirkan masyarakat yang berdisiplin dan diredhai oleh Allah SWT

- a) Berikan pengertian keluarga  
(2 markah)



- a) Huraikan **DUA(2)** tanggungjawab anak kepada ibu bapa (4 markah)
- b) Jelaskan **DUA(2)** peranan dan tanggungjawab masyarakat kepada negara (4 markah)

**Soalan 4**

Pendidikan merupakan satu cara untuk melahirkan masyarakat berilmu dan berwawasan sejajar dengan apa yang diamalkan oleh Rasulullah SAW yang mencakupi aspek jasmani dan rohani.

- a) Sebutkan **DUA(2)** aspek dalam konsep pendidikan Islam (2 markah)
- a) Huraikan **DUA(2)** institusi pendidikan dan pengajian yang telah wujud sejak awal Islam (4 markah)
- c) Jelaskan **DUA(2)** tujuan *Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR)* dilaksanakan di Malaysia (4 markah)

**Soalan 5**

Sebuah negara yang mengamalkan sebuah pemerintahan dan pentadbiran Islam akan mengambil contoh apa yang telah dilakukan pada zaman Rasulullah SAW dan Khulafa' ar-Rasyidin yang menjadikan Al-Quran dan Hadis sebagai dasar utama.

- a) Nyatakan peranan Hisbah yang dilaksanakan pada zaman Rasulullah SAW (2 markah)
- b) Sebutkan **DUA(2)** prinsip perundangan Islam? (2 markah)
- c) Huraikan **TIGA(3)** sumber perundangan Islam (6 markah)

**Soalan 6**

Kesenian Islam adalah kesinambungan daripada kesenian pada zaman silam yang telah berkembang dan dicorakkan oleh konsep tauhid yang tinggi kepada Allah SWT dan memiliki khazanah sejarahnya yang tersendiri dan unik.

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan seni? (2 markah)
- b) Sebutkan prinsip kesenian dalam Islam (2 markah)
- c) Jelaskan **TIGA(3)** ciri kesenian budaya Islam (6 markah)

**Soalan 7**

Gejala keruntuhan moral perlu difahami dan dihayati oleh setiap individu kerana ianya memberi kesan besar terhadap keluarga, masyarakat dan negara

- a) Sebutkan **DUA(2)** contoh keruntuhan moral yang anda ketahui (2 markah)
- b) Apakah yang dimaksudkan dengan moral? (2 markah)
- c) Jelaskan **TIGA(3)** peranan individu muslim bagi mengawal keruntuhan akhlak (6 markah)

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Jawab **SATU(1)** soalan sahaja

**Soalan 1**

*Setelah empat tahun berkahwin, Amir dan Amirah telah dikurniakan seorang cahaya mata.*

Huraikan **EMPAT(4)** tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh Amir dan Amirah  
(20 markah)

**Soalan 2**

Rasullullah SAW pernah bersabda, maksudnya:

*"Sesungguhnya Allah itu indah dan sukakan kepada keindahan"*

Huraikan **EMPAT(4)** bidang yang termasuk dalam kesenian Islam  
(20 markah)

**[20 MARKAH]**

